

PENDIDIKAN UNTUK PEMBANGUNAN LESTARI

“USM berhasrat untuk menerajui dan memupuk aktiviti sedia ada yang berkaitan dengan pembangunan lestari melalui penyelidikan, sumbangan pelajar dan kerjasama dengan masyarakat luar menerusi beberapa fasa dan berkonsepkan ‘membawa dalaman ke luar’, iaitu membawa dan mempelajari bersama berdasarkan kepakaran dalaman dan masyarakat untuk kebaikan sejagat.

Usaha ini akan menjadikan USM sebagai contoh jalinan hubungan antara institusi Pengajian Tinggi dengan masyarakat dengan kegigihan usaha yang berterusan demi mencapai pembangunan lestari untuk kebaikan generasi akan datang.”


WARISAN SAINS & SENI UNTUK PEMBANGUNAN LESTARI

*MUZIUM
& GALERI*



SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006




LAPORAN KEM BISTARI SAINS & SENI

*MUZIUM
& GALERI*



SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Luas mata memandang – Langkawi adalah lokasi paling sesuai untuk melestarikan mata, minda, dan jiwa dengan getaran alam. Panorama puncak gunung Macincang.

KANDUNGAN

Pengenalan	: 1
Tema/Tajuk/Tarikh/Tempat/Anjuran	: 2-5
Kerjasama	: 6
Rasional	: 7
Falsafah	: 8
Objektif	: 9
Cadangan Awal Sasaran Peserta	: 10
Kriteria Peserta & Yuran	: 11
Penyertaan Sebenarnya Peserta	: 12
Pra-Kem	: 13
Jadual Kem	: 15
AJK Kecil	: 16
Ringkasan Perbelanjaan	: 17
Ringkasan Pendapatan	: 18
Tinjauan Maklumbalas	: 19
Komen, Ulasan & Cadangan	: 20
Pencapaian Objektif	: 21
Hadiah	: 22
Penutup	: 23

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Taman ilmu – alam semulajadi adalah perpustakaan terbuka untuk semua, sekaligus amanah untuk pewaris bangsa. Pantai Tengkorak di Teluk Datai Langkawi

KEM BISTARI SAINS & SENI

1. Pengenalan

Hari Muzium Antarabangsa disambut setiap tahun di seluruh dunia pada 18 Mei. Langkawi, Kedah telah dipilih sebagai lokasi sambutan Hari Muzium Peringkat Kebangsaan (HMPK) untuk tahun 2006, bertemakan 'Muzium dan Remaja'. Sambutan HMPK disertai hampir kesemua muzium di Malaysia yang menjadi Ahli Persatuan Muzium SeMalaysia.

Zon Utara telah bertindak sebagai urusetia utama untuk sambutan tahun ini, diterajui Galeria Perdana Langkawi dan LADA (Lembaga Pembangunan Langkawi).

Sambutan HMPK diisi pelbagai aktiviti, seperti antaranya : Pameran, Sukan, Bengkel, Ceramah, dan Program Komuniti. Kem Bistari Sains & Seni merupakan salah satu dari aktiviti yang diusahakan bersempena HMPK. Kem ini dilangsungkan dari 11 hingga 14 Mei 2006 di Maktab Rendah Sains MARA dan Dataran Lang, Langkawi.

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006

Jauh terbang ke 'Langit', perlu mendarat juga ke 'Bumi'. Hidup lebih lestari jika mahu belajar dari fitrah isra' & mi'raj sang burung. Dataran Lang, Langkawi



KEM BISTARI SAINS & SENI

1. Pengenalan

- Penganjuran kem telah diputuskan dalam mesyuarat pertama AJK Induk HMPK sebagai salah satu dari aktiviti 'outreach' atau memasyarakatkan muzium yang bersesuaian dengan tema 'Muzium & Remaja'
 - Muzium & Galeri Seni (M&G) USM telah diberi tanggungjawab untuk mencadangkan konsep, menyediakan kertas-kerja dan kandungan kem
- M&G USM telah merangka sebuah program berkonsepkan 'langit dan bumi' yang menggabungkan kedua-dua bidang sains dan seni, juga menggabungkan penyertaan golongan remaja dari komuniti setempat (pelajar sekolah-sekolah menengah di Langkawi) dengan kakitangan muzium dari beberapa muzium di seluruh Malaysia
 - Untuk tujuan di atas, M&G USM telah menyelaraskan dua mesyuarat AJK kecil untuk membentangkan dan membincangkan kertas-kerja. Kertas-kerja juga telah dibentangkan dalam mesyuarat susulan AJK Induk
- M&G USM juga telah membuat perbincangan dengan beberapa agensi, Jabatan Pelajaran Daerah dan MRSM di Langkawi yang diiringi tinjauan lokasi serta kemudahan prasarana

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



'Astro-art' - kosmologi berperisa Nusantara. Fasilitator, Cik Tetriana Ahmed Fauzi dari Pusat Pengajian Seni sedang menyiapkan gambaran cakerawala dengan teknik lukisan batik yang diwarisi dari seniman terdahulu

Pencerapan rohani - Wajah bulan dirakamkan oleh Encik Salim Ibrahim menerusi teleskop M&G USM ketika aktiviti pencerapan bulan di Dataran Lang



KEM BISTARI SAINS & SENI

2. Tema

Muzium & Remaja

3. Tajuk Kem

"Kem Bistari Sains & Seni – LANGIT & BUMI"

4. Tarikh

10-14 Mei 2006

5. Tempat

MRSM Langkawi

Dataran Lang

6. Anjuran Bersama

Persatuan Muzium SeMalaysia

Muzium & Galeri Seni USM

Galeria Perdana Langkawi

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006

Jalinan dengan masyarakat luar - Selaras dengan kedudukannya sebagai institusi pembelajaran peringkat sekolah yang terulung di Langkawi, MRSM telah dipilih sebagai lokasi Kem



KEM BISTARI SAINS & SENI

7. Kerjasama

Jabatan Pelajaran Negeri Kedah
Jabatan Pelajaran Daerah Langkawi
MRSM Langkawi
LADA (Lembaga Pembangunan Langkawi)
Unit Falak & Pengajian Atmosfera USM
Pusat Pengajian Seni USM

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Kebanyakan aktiviti dibuat secara 'hands-on', menggabungkan kedua-dua bidang seni (batik) dan sains (astronomi)

KEM BISTARI SAINS & SENI

8. Rasional

Dalam kesungguhan kearah pencapaian wawasan 2020, dan dalam menangani cabaran global alaf ke 21, persediaan terhadap pembangunan modal insan memerlukan penyatuan dan imbalan kritikal antara dimensi spiritual, mental/emosi dan fizikal. Pembangunan insan yang total, multi-dimensi dan holistik dapat mengimbangi keperluan atau tuntutan 'high-tech' (sains) dengan kejituan dan kehalusan asas-asas 'high-touch' (budaya, seni & warisan). Imbalan sebegini memerlukan katalis yang dapat mencetuskan pengalaman pembelajaran yang menggabungkan dimensi sains dan seni dalam sintesis yang lestari. Muzium perlu memainkan peranan dengan menjalankan pelbagai aktiviti kreatif yang dapat menjadi wahana untuk pembangunan berimbangan di atas, disamping mendekatkan diri dengan masyarakat umum, terutama sekali golongan remaja atau pelajar.

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Falsasah kem diterapkan secara tidak langsung dalam beberapa aktiviti pembinaan kumpulan

KEM BISTARI SAINS & SENI

9. Falsafah

Falsafah kem mengambil ilham dari tiga model utama pembinaan insan berdasarkan falsafah budaya tradisi Nusantara :

- Kekuatan spiritual berasaskan pemurnian jiwa dan nilai-nilai kebaikan sejagat
- Pembangunan lestari dan holistik yang bersifat integratif terhadap ilmu, terutama antara sains dan seni
 - Sikap proaktif dan kreatif terhadap bahan, peralatan, teknik, proses dan kemahiran yang relevan dengan perubahan teknologi semasa

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006

Terus ke bulan! - Pencapaian objektif kem bergantung kepada sinergi semua pihak, terutama dari kalangan peserta



KEM BISTARI SAINS & SENI

10. Objektif

- Mendedahkan para peserta dengan aktiviti-aktiviti pembangunan remaja yang dapat menjana pembangunan minda (pemikiran lateral dan penyelesaian kreatif, penjaan ide, pengetahuan sains dan seni) pembangunan kemahiran (kemahiran penggunaan peralatan astronomi dan kraf tradisional batik) dan pembangunan nilai (imbangan langit dan bumi, rupa dan jiwa, rohani dan jasmani)
 - Memperkenalkan aktiviti-aktiviti bersifat pro-aktif, interaktif, menarik dan menyeronokkan untuk mendekatkan golongan remaja dengan muzium
- Memperkenalkan kegiatan yang menggabungkan kedua-dua bidang seni-budaya (warisan kraf tempatan) dengan bidang sains dan teknologi (fizik & astronomi)
 - Membentuk pengalaman pembelajaran holistik yang lebih menyeronokkan disamping membina kekuatan kedua-dua otak kanan dan otak kiri menerusi bidang seni, rekabentuk, astronomi dan fizik

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006

Tak perlu tunggu NASA - Aktiviti membuat roket menggabungkan kepintaran rekabentuk (seni) dengan kefahaman tentang tenaga hidrolik (sains) – salah satu dari objektif kem



KEM BISTARI SAINS & SENI

10. Objektif

- Menjana lebih banyak ide-ide kreatif, segar dan menarik yang boleh membentuk kelab-kelab kreatif gabungan pelbagai ilmu sains dan seni
- Membina rangkaian perhubungan antara universiti, kakitangan muzium, guru dan murid sekolah
 - Membuka ide-ide baru yang boleh diterapkan dalam usaha meningkatkan peranan muzium sebagai pemangkin ilmu (sains dan seni-budaya) untuk penghayatan remaja dan pembangunan lestari

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Menghubungkan universiti – kakitangan muzium – dan sekolah di bawah satu bumbung

KEM BISTARI SAINS & SENI

11. Cadangan Awal Sasaran Peserta

- Kakitangan Muzium (Kurator, Penolong Kurator, Pembantu Muzium)
 - Guru Sekolah, Pelajar Sekolah Menengah
- Penyataan adalah terhadap
 - Kakitangan muzium : 32 orang
 - Guru sekolah (Langkawi sahaja) : 14 orang
 - Pelajar sekolah (Langkawi sahaja) : 42 orang
- Penyataan kategori (2) dan (3) telah diamanahkan kepada Jabatan Pendidikan Daerah Langkawi
- Poster makluman & brosur kem telah diedarkan menerusi surat/telefon/faks/sms dan emel sebulan sebelum tarikh kem
- Makluman tentang kem juga telah dilakukan secara langsung kepada semua Pengarah-pengarah muzium serta Jabatan Pelajaran Daerah Langkawi dalam mesyuarat Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kecil

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

12. Kriteria Peserta & Yuran

Penyertaan untuk guru dan pelajar adalah berdasarkan pencalonan dari Jabatan Pendidikan Daerah.

Penyertaan pelajar dan guru adalah percuma.

Penyertaan untuk kakitangan muzium adalah berdasarkan pencalonan Pengarah

Pencalonan perlu berdasarkan :

- Penyertaan aktif dalam aktiviti-aktiviti berkaitan dengan sains, seni dan budaya samada secara formal atau tidak formal
- Pengalaman dan penglibatan secara langsung dengan aktiviti-aktiviti yang melibatkan daya kreativiti dan inovatif
 - Pengalaman bergiat dengan aktiviti bersifat komuniti, terutama sekali yang melibatkan kanak-kanak
 - Kelayakan akademik atau pengalaman iktisas dalam bidang-bidang berkaitan dengan sains fizik, rekabentuk dan seni halus
 - Pengalaman mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan tiga bidang di atas

Kakitangan muzium yang telah dipilih dikenakan yuran sebanyak RM300.00 (Bayar kepada Persatuan Muzium seMalaysia)

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Peserta Akademi Fantasia ke? Wajah para peserta Kem

KEM BISTARI SAINS & SENI

13. Penyertaan Sebenar Peserta

- Kakitangan Muzium (Kurator, Penolong Kurator, Pembantu Muzium) : 21 orang
 - Guru Sekolah, Pelajar Sekolah Menengah : 3 orang guru, 11 orang pelajar
- Jumlah keseluruhan peserta : 35 orang
Jumlah peserta wanita : 18 orang / peserta lelaki : 17 orang

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006

Lebih baik dari realiti TV. Setiap individu telah mewarnai pengalaman Kem dengan cara yang tersendiri



KEM BISTARI SAINS & SENI

13. Penyertaan Sebenar Peserta

Muzium-muzium yang menghantar peserta adalah :

- Muzium Negara Kuala Lumpur & Labuan
 - Muzium TM Kuala Lumpur
 - Galeria Perdana Langkawi
 - Muzium Negeri Perak
 - Muzium Negeri Terengganu
- Muzium Matawang & Arkib Bank Negara Kuala Lumpur
 - Muzium Negeri Sembilan
- Sekolah-sekolah yang menghantar peserta adalah :
- Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra, Langkawi
- Sekolah Menengah Kebangsaan Mahsuri, Langkawi

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Mengalahkan orang pergi haji! Perkakasan, peralatan dan bahan untuk kem & pameran saja sudah memakan satu lori kecil.

KEM BISTARI SAINS & SENI

14. Pra-Kem

(9-10 Mei, 2006)

Pasukan M&G USM bertolak ke Langkawi pada 9 Mei, 2006.

Persiapan awal termasuklah :

- Penyediaan pusat urusetia dan kaunter pendaftaran, maklumat dan promosi
 - Persiapan penginapan, makan/minum
 - Persiapan perkakasan, peralatan dan bahan
- Sesi Taklimat & Perbincangan Kem untuk penceramah dan fasilitator

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Menghubungkan muzium dengan komuniti sekolah - Kaunter pendaftaran, maklumat dan promosi Kem dipasang di ruang pentas antara Dewan Makan Pelajar dan Asrama. Disediakan juga kaunter jualan foto-foto astronomi. Ramai pelajar yang datang singgah.

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Memastikan segalanya berjalan dengan lancar. Takimat dengan penceramah dan fasilitator Kem

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Bertuah dapat 'joint' kem ini.



KEM BISTARI SAINS & SENI

15. Jadual Kem

Hari Pertama (11 Mei, 2006)

Pagi : Pendaftaran & Urusan Penginapan

: Taklimat Utama (Encik Hasnul)

: 'Ice Breaking' & Aktiviti Membina Kumpulan (Encik Hasnul)

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Sebuah keluarga besar – belajar dan bermain bersama

KEM BISTARI SAINS & SENI

15. Jadual Kem

Hari Pertama (11 Mei, 2006)

Menyusul Taklimat adalah aktiviti 'Ice Breaking' dan Permainan Membina Kumpulan yang telah dilaksanakan dalam suasana kekeluargaan, santai dan ceria. Permainan "Kepung", "Zip-Zap-Boing" dan "Ikut Pemimpin" membantu para peserta mencairkan segala yang beku dan keras.

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Mari kita berkenalan! – Sessi 'Ice
Breaking'

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Nama adalah doa – Bila
memanggil seseorang, kita
mendoakannya juga

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



"Yang itu, saudara Azmi dari Terengganu", Encik Nordin dari Muzium Negeri Sembilan menyebut semua nama dengan 'macho'

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Kenal diri, kenal rakan –
Permainan menguji kesedaran
keadaan fizikal rakan-rakan

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Santai dan ceria, pintu silaturahmi
terbuka

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Bila sudah cair, ide dan kreativiti mengalir cantik. Para peserta berbincang dalam kumpulan untuk merekabentuk nama kumpulan, logo, slogan dan tanda bunyi

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Bincang, buat, bentang.



SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Sesi petang diteruskan dengan aktiviti membina kumpulan.

KEM BISTARI SAINS & SENI

15. Jadual Kem

Hari Pertama (11 Mei, 2006)

Ptg : Permainan Membina Kumpulan (Encik Hasnul)

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Buat bulat, baru sepakat

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Meditasi - Belajar membuang gelombang negatif dalam diri dan menggantikannya dengan gelombang positif

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Tak perlu lawak senario untuk
ketawa!

Memiliki gelombang positif
membuatkan kita bertenaga dan
ceria

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Sambut manusia lebih susah dari
sambut batang kayu yang jatuh!

Permainan "Sambut Saya" - Bila
semua ahli sudah berkongsi getar
positif, kepercayaan antara satu
sama lain menjadi kukuh

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



"I tanggung, you tadah"

Permainan "Mesin" - Dalam suasana saling mempercayai, mudah berkerja dalam kumpulan

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Seorang pegang 'steering'
seorang lagi masuk 'gear!'

Apabila setiap bahagian dapat
memainkan peranan dengan baik,
jentera dapat berfungsi dengan
cemerlang

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Kami bukan pendatang dari Indon Pak!

Permainan "Siapa Saya" menguji
kepintaran deduktif dan logik,
kepintaran komunikasi dan sosial

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Siapa saya? Siapa yang mentakrifkan diri kita? Yang pasti, bukan Amerika ye!

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Macam mana nak letak lapan paku atas satu paku? Permainan menguji minda – menggalakkan penyelesaian masalah secara kreatif dan berkumpulan

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Sesi malam. “Jangan tutup mata!” kata-kata azimat Dr. Chong yang menjadi siulan peserta. Aktiviti planetarium yang diadakan di bilik sumber turut diikuti para pelajar MRSM hingga penuh panggung. Tak kurang juga kedengaran woow!! Waaaah! Kalau bertiket, kaya juga M&G USM!

KEM BISTARI SAINS & SENI

15. Jadual Kem

Hari Pertama (11 Mei, 2006)

Malam : Taklimat “Kembara Bintang” (Dr. Chong)
: “Planetarium” (Dr. Chong)

: “Starry Night” Pencerapan Bintang di Dataran Lang (Dr. Chong, Encik Lim & Encik Nor Azam)

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Bukan “Jom Heboh!” tapi “Tak Payah Heboh!” - Aktiviti pencerapan di Dataran Lang telah menarik minat orang awam yang turut mengerumuni Dr. Azam dan menggunakan teleskop untuk melihat bulan serta planet Jupiter. Walaupun anak bulan Hari Raya tak ada, anak-anak bulan Jupiter memang boleh nampak jelas.

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

15. Jadual Kem

Hari Kedua (12 Mei, 2006)

Pagi : Ceramah “Apakah Astronomi dan Bagaimana Kita Boleh Menghayatinya” (Dr. Chong)
: “Sinar Hidupku” – Cerapan dan Melukis Batik Celup (Encik Hasnul & Cik Tetriana)

Ptg : “Anak-anak Raket” Bengkel Raket Air (Dr. Chong)
: Pameran & Pertandingan Rekabentuk Raket Air Terbaik (Dr. Chong)
: Pertandingan Perlancaran Raket (Dr. Chong)

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Siapa kata kita tak boleh lihat matahari? Bukan sekadar teropong, kita juga berkenalan dengan fitrah saintifik sumber tenaga dari sang suria. Selain mengagumkan (Kebesaran Tuhan), ia juga begitu indah serta artistik, membuat kita merasa diri kerdil

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Cahaya matahari adalah sumber fenomena warna. Bermain dengan warna batik mendekatkan diri dengan warna-warna alam dan juga warna-warna getar dalaman diri kita (frekuensi dalaman). Saintifik dan artistik, rupa dan jiwa seiring.

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Asyiknya! Teknik batik celup boleh dilakukan oleh semua orang, tidak kira apa jua umur dan latarbelakang.

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Tidak ubah seperti beberapa gambarfoto galaksi dan nebula yang ditunjuk oleh Dr. Chong. Lukisan batik hasil kerja para peserta Kem. "Fuyoo! Cun giler!" kata adik kita

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Saintis dan pereka roket sedang tekun berkerja. Aktiviti membuat roket air memang menyeronokkan.

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Kumpulan "Spica" dengan roket mereka.



Kakitangan M&G USM juga tidak mahu ketinggalan. Besarnya roket. Bolehke naik?

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Kumpulan "Galaxy" dengan roket mereka



Kumpulan "Thundersky" dengan roket mereka.

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Mana satu paling kreatif?



SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Ini roket ke atau peluru berpandu 'scud'?

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Perlancaran roket. "Fuyooo!!!" bila roket menerjah ke langit ; "Lari!!lari!!" bila ia menjunam kembali ke bumi.

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

15. Jadual Kem

Hari Kedua (12 Mei, 2006)

Malam : Batik Lukis Tangan (Encik Hasnul & Cik Tetriana)
: Pencerapan Bintang di Dataran Lang (Dr. Chong, Encik Lim & Encik Nor Azam)

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

15. Jadual Kem

Hari Ketiga (13 Mei, 2006)

Pagi : Ceramah "Astrophotography Experience in Inner Mongolia" (Encik Teoh)
: Bengkel Teknik Astrophotography (Encik Teoh)

Petang : Persediaan bahan pameran "Langit & Bumi"

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Boleh buka kilang batik lepas ini. Kakitangan M&G USM juga ada bakat dan sentuhan seni.

KEM BISTARI SAINS & SENI

15. Jadual Kem

Hari Ketiga (13 Mei, 2006)

Pagi & Petang : Demo lukisan batik tangan oleh kakitangan M&G USM

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Foto-foto astronomi sangat menggagumkan, baik dari segi saintifik mahupun artistik. Bagus untuk membasuh mata, membersihkan minda, dan mencuci hati yang banyak disogok toksik visual dari media massa

KEM BISTARI SAINS & SENI

15. Jadual Kem

Hari Ketiga (13 Mei, 2006)

Malam : Ceramah – “Astronomy Pictures of the Day by NASA” (Dr. Chong)
: Pencerapan bintang di MRSM

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

15. Jadual Kem

Hari Keempat (14 Mei, 2006)

Pagi : Ceramah “Bagaimana Menggunakan Teleskop” (Encik Lim)
: “Spektra Warna” - Bengkel Membuat Spektrohelioskop (Dr. Chong)

Ptg : Persediaan Pameran “Langit & Bumi” di Dataran Lang

Malam : Majlis Makan Malam Mesra & Penyampaian Sijil/Hadiah

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Berkongsi hasil Kem dengan masyarakat. Setiap kumpulan diberikan sudut masing-masing untuk mempamerkan pelbagai hasil Kem

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Majlis Makan Malam & Penyerahan Hadiah

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Dapat kawan, dapat makan, dapat hadiah,
dapat sijil dan yang paling penting, dapat
ilmu

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



Hasnul



Zol



Aizuan



Dr. Chong



J.J



Rosli



Husni



Ravi



Radhi

KEM BISTARI SAINS & SENI

16. Ahli Jawatankuasa Kecil

Pengerusi : Encik Hasnul Jamal Saidon

N/Pengerusi : Encik Zolkurnian Hassan

Penyelaras : Dr. Chong Hon Yew

: Encik Aizuan Azmi

Pengangkutan, Penginapan, Jamuan & Percetakan : Encik Jamaluddin Jaafar

Teknikal & Peralatan : Encik Rosli Hamzah

Encik Muhamad Husni Abd.Latiff

Perkakasan, Bahan, Pemasangan : Encik Nordin Ban

: Encik Ravi A/L Vansamy

Urusetia, Pendaftaran, Sijil & Hadiah : Puan Radhiah

: Puan Faridah Mohd Hashim

: Puan Salmiah Mohamad

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

17. Ringkasan Perbelanjaan

17.1 USM

- Perbelanjaan penginapan, pengangkutan, percetakan, perjalanan untuk kakitangan M&G USM (termasuk keseluruhan kos Hari Muzium) RM 15,594.00

17.2 Persatuan Muzium seMalaysia

- | | |
|--|--------------|
| • Saguhati penceramah | RM 1,000.00 |
| • Perjalanan Feri Penceramah | RM 315.00 |
| • Perjalanan urusetia | RM 106.40 |
| • Pembelian runcit utk bahan-bahan | RM 1,672.50 |
| • Jumlah kecil | RM 3,094.80 |
| • Elaun untuk Penceramah, Fasilitator dan Urusetia | RM 6,711.00 |
| • Jumlah keseluruhan | RM 9,805.80 |
| • JUMLAH (17.1)+(17.2) | RM 25,399.80 |

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

18. Ringkasan Pendapatan

- Yuran peserta : RM 6,300.00 (Akaun Persatuan Muzium seMalaysia)



SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006




KEM BISTARI SAINS & SENI

19. Tinjauan Maklumbalas

Peratusan adalah berdasarkan maklumat dari borang tinjauan yang telah diedarkan kepada para peserta. 25 responden dari 35 telah mengisi dan menghantar borang. Setiap peratusan mewakili tahap respon dari jumlah keseluruhan 25=100%. Julat respon dibahagikan kepada 4 – Sangat baik, Baik, Memuaskan, Tidak Memuaskan.

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

19. Tinjauan Maklumbalas


19.1 Penyelenggaraan Umum

Peratusan komen sangat baik & baik :

- Penceramah 76%
- Bahan & Peralatan, AJK, Fasilitator 64%
- Pengangkutan & Penginapan 52%
- Sukan/riadah 36%
- Makanan 26%

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

19. Tinjauan Maklumbalas


19.2 Penyelenggaraan Umum :

Peratusan komen memuaskan :

- Penginapan 48%
- Penceramah 44%
- Bahan & Peralatan 36%
- Pengangkutan 36%
- AJK, Fasilitator 24%
- Sukan/riadah 28%
- Makanan 20%

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

19. Tinjauan Maklumbalas

19.3 Penyelenggaraan Umum :

Peratusan komen tidak memuaskan

- Makanan 24%
- Penginapan 12%
- Sukan/riadah 12%

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

19. Tinjauan Maklumbalas


19.4 Aktiviti-aktiviti Kem

Peratusan komen sangat baik

- Perlancaran Roket 56%
- Membuat Roket 48%
- Permainan 'Ice Breaking' 44%
- Bengkel batik janting 40%
- Bengkel Bagaimana Menggunakan Teleskop dan Cerapan Matahari/bintang 40%
- Aktiviti Membina Kumpulan 40%
- Ceramah "Apakah Astronomi & Bagaimana Kita Boleh Menghayatinya" 36%
- Bengkel batik ikat & celup 36%
- Bengkel 'spetrohelioscope' 28%
- Ceramah "Astronomy Pictures of the Day by NASA" 28%
- Ceramah "Astrophotography" 24%
- Bengkel Teknik 'astrophotography' 24%
- Taklimat Utama 16%

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

20. Komen, ulasan & cadangan bertulis dari kalangan peserta antaranya :

- Kurang penyertaan pelajar
- Perlu ada borang kehadiran
 - Perlu diadakan lagi
 - Perlu diperbaiki lagi
- Pencerapan bulan dan bintang perlu fokus pada pelajar, bukan orang-ramai
 - Kurang peralatan ICT
- Makanan tidak memuaskan, tiada kepelbagaian dan ala kadar
 - Penginapan kurang memuaskan
- Penggunaan Dewan Kuliah dan Peralatan kurang baik
 - Perlu letak fasilitator di setiap kumpulan
 - Jadual terlalu padat
- AJK perlu tambah, nampak tidak tersusun dan kelam-kabut
 - Pelbagaikan lagi teknik persembahan

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

20. Komen, ulasan & cadangan bertulis dari kalangan peserta antaranya :

- Adakan lawatan ke tempat-tempat berkaitan astronomi dan seni
 - Perlu dikongsi dengan masyarakat pedalaman
 - Lebih masa untuk ceramah astronomi
 - Arahan dan panduan fasilitator perlu lebih jelas

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

21. Pencapaian Objektif

- Objektif 1 - Mendedahkan para peserta dengan aktiviti-aktiviti pembangunan remaja yang dapat menjana pembangunan minda (pemikiran lateral dan penyelesaian kreatif, penjaan ide, pengetahuan sains dan seni) pembangunan kemahiran (kemahiran penggunaan peralatan astronomi dan kraf tradisional batik) dan pembangunan nilai (imbangan langit dan bumi, rupa dan jiwa, rohani dan jasmani)
- Pencapaian Sebenar – Berjaya didedahkan dalam bentuk yang interaktif, menarik dan menyeronokkan. Respon atau komen terhadap kedua-dua aktiviti berbentuk sains dan seni juga sangat baik (lihat maklumbalas). Pembangunan nilai dapat dilihat dari sikap peserta yang saling bekerjasama, proaktif, cekal, bersemangat, bantu-membantu dan bertanding dalam semangat kesukanan yang sihat
- Objektif 2 - Memperkenalkan aktiviti-aktiviti bersifat pro-aktif, interaktif, menarik dan menyeronokkan untuk mendekatkan golongan remaja dengan muzium
- Pencapaian Sebenar– Berjaya diperkenalkan. Respon terhadap beberapa aktiviti interaktif adalah sangat baik (rujuk maklumbalas). Kesedaran peserta terhadap muzium meningkat, terutama setelah mempersembahkan hasil kem di Dataran Lang bersama muzium-muzium lain

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

21. Pencapaian Objektif

- Objektif 3- Memperkenalkan kegiatan yang menggabungkan kedua-dua bidang seni-budaya (warisan kraf tempatan) dengan bidang sains dan teknologi (fizik & astronomi)
 - Pencapaian – Berjaya diperkenalkan dan digabungkan. Aspek seni (batik) perlu disertai ceramah. Batik dan astronomi perlu dikaitkan, mungkin menerusi teori warna, atau fizik kuantum
- Objektif 4 - Membentuk pengalaman pembelajaran holistik yang lebih menyeronokkan disamping membina kekuatan kedua-dua otak kanan dan otak kiri menerusi bidang seni, rekabentuk, astronomi dan fizik
- Pencapaian – Bidang astronomi itu sendiri sudah merupakan satu bidang yang boleh mencetus pengalaman pembelajaran yang holistik – fakta saintifik dan nilai artistik. Aktiviti batik perlu menekankan pertautan dengan astronomi. Aktiviti merekabentuk roket adalah satu lagi contoh pengalaman pembelajaran holistik gabungan sains dan seni

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

21. Pencapaian Objektif

- Objektif 5 - Menjana lebih banyak ide-ide kreatif, segar dan menarik yang boleh membentuk kelab-kelab kreatif gabungan pelbagai ilmu sains dan seni
- Pencapaian Sebenar – Berjaya dijana ketika beberapa aktiviti kreatif seperti pemasangan hasil-hasil kem di Dataran Lang, rekabentuk roket dan bengkel batik ikat dan celup
- Objektif 6 - Membina rangkaian perhubungan antara universiti, kakitangan muzium, guru dan murid sekolah
- Pencapaian Sebenar – Bergantung kepada tindakan susulan para peserta. Bilangan penyertaan guru dan murid kurang memuaskan kerana bertindan dengan minggu peperiksaan
- Objektif 7 - Membuka ide-ide baru yang boleh diterapkan dalam usaha meningkatkan peranan muzium sebagai pemangkin ilmu (sains dan seni-budaya) untuk penghayatan remaja dan pembangunan lestari
 - Pencapaian Sebenar – Bergantung kepada tindakan susulan para peserta

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

22. Hadiah

- Kumpulan Terbaik : Pasukan Spica
- Rekabentuk Raket Terbaik : Pasukan Galaxy
- Perlancaran Raket Terbaik : Pasukan Spica
- Rekabentuk batik terbaik : Pasukan Thundersky
- Peserta Terbaik (Pelajar) : Encik Bernedict Khoo Kar Pin
- Peserta Terbaik (Kakitangan Muzium) : Cik Norrulhuda Mohd Halim
 - Peserta Paling Popular : Encik Azmi

Pemilihan kategori 1-6 dibuat oleh para AJK Kem. Pemilihan Peserta Paling Popular dibuat secara undian dikalangan para peserta

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA LANGKAWI 2006

14-20 Mei 2006



KEM BISTARI SAINS & SENI

23. Penutup

- Kem Bistari Sains & Seni (KBSS) merupakan satu projek perintis yang secara umumnya telah berjaya mencapai objektif yang telah digariskan. Namun demikian, berdasarkan pemerhatian dan tinjauan maklumbalas yang diterima, masih banyak lagi kelemahan, kekurangan dan ruang pembaikan yang perlu dilaksanakan agar Kem ini dapat dimantapkan lagi. Kem ini akan diteruskan pada masa akan datang untuk memperluas dan mendekatkan lagi institusi muzium dengan masyarakat umum, terutama sekali golongan remaja atau pelajar. Ia dapat dijadikan wahana untuk muzium memasyarakatkan bukan saja budaya, seni dan warisan, tetapi juga sains dan teknologi yang seiring dengan konsep pembangunan lestari